

RESTORATIF:
EKSPRESI DIRI MENERUSI INSTALASI BATIK
DALAM SENI VISUAL

NAN RAHEEMIE BIN NAN AZMIE

A241

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

RESTORATIF:
EKSPRESI DIRI MENERUSI INSTALASI BATIK DALAM SENI VISUAL

NAN RAHEEMIE BIN NAN AZMIE

A241

JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



RESTORATIF:

EKSPRESI DIRI MENERUSI INSTALASI BATIK DALAM SENI VISUAL

NAN RAHEEMIE BIN NAN AZMIE

D20211099922

A241

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SENI) DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF**

2025

PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbitkan atau diserahkan kepada mana-mana pihak.

Tandatangan : 

Tarikh : 7/2/2025

NAMA PENGKAJI : NAN RAHEEMIE BIN NAN AZMIE

NO. MATRIK : D20211099922



PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah disemak oleh:

Nama penyelia : PROFESOR MADYA DR. HAROZILA BINTI HAJI RAMLI

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :


7/2/2025
PROF. MADYA DR. HAROZILA BINTI RAMLI
Jabatan Seni dan Reka Bentuk
Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak.

Diterima penghantaran oleh:

Nama penyelaras 1 : DR. ELIS SYUHAILA BINTI MOKHTAR

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

DR. ELIS SYUHAILA BINTI MOKHTAR
PENSYARAH KANAN
JABATAN SENI DAN REKABENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Nama penyelaras 2 : DR. FAREEZ BIN VINCENT AMOS @ MOHD FADLY

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

DR. FAREEZ BIN VINCENT AMOS @ MOHD FADLY
Timbalan Pengarah
(Pemuzluman & Galeri)
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan penulisan kajian saya yang bertajuk “Ekspresi Diri Menerusi Instalasi Batik dalam Seni Visual” di mana ia menceritakan tentang situasi sebenar yang berlaku di kalangan mahasiswa/i pada masa kini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Elis Syuhaila Binti Mokhtar dan Dr. Fareez Bin Vincent Amos @ Mohd Fadly selaku penyelarar kursus ini manakala Profesor Madya Dr. Harozila Binti Haji Ramli selaku penyelia untuk Studio Kraf Batik yang telah banyak memberi tunjuk ajar, khidmat nasihat dan bimbingan serta memberikan idea-idea yang bernas kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini. Terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah dan kakitangan Jabatan Seni dan Reka Bentuk serta FSLIK yang turut memberi bimbingan dan sokongan kepada saya dan memberi kata-kata semangat dalam menyiapkan penulisan ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya di atas pengorbanan mereka dalam memberikan semangat, nasihat dan dorongan moral serta sumber kewangan dalam usaha untuk melengkapkan kajian ini. Ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana sudi memberikan pandangan dan kerjasama yang baik dalam menjayakan kajian ini meskipun terpaksa akur dengan cabaran masing-masing yang dihadapi.



PENYATAAN PERIBADI

Karya “Keterasingan Jiwa” menggambarkan cabaran dalaman pengkarya sebagai mahasiswa yang menghadapi isu kesihatan mental seperti tekanan, stigma dan trauma. Titik fokus karya menonjolkan siluet kepala yang dipenuhi kata-kata melambangkan pergolakan psikologi. Di sekelilingnya, rangkaian imej seperti garisan tubuh, warna dinamik dan simbol kehidupan moden seperti alat kawalan permainan serta set fon kepala menggambarkan kehidupan yang sering bertindih dengan rasa keterasingan. Pengkarya menerapkan pelbagai teknik membatik untuk mencipta lapisan tekstur dan emosi. Kombinasi garisan halus dan rona warna mencerminkan emosi yang rapuh tetapi sarat makna, meningkatkan kesedaran dan empati terhadap isu kesihatan mental.





KARYA



“Keterasingan Jiwa”

Medium: Batik

Saiz: 150cm x 150cm

2025



KOD QR





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan berfokus kepada tema Restoratif: Aura Positif yang bertujuan untuk menggambarkan bagaimana seni batik boleh dijadikan medium ekspresi diri dalam menangani isu depresi dengan karya yang diberi judul Keterasingan Jiwa. Permasalahan yang diketengahkan dalam kajian ini berkaitan dengan gangguan mental depresi, yang bukan sahaja memberi kesan kepada individu dewasa tetapi juga kanak-kanak. Depresi merupakan satu masalah global yang semakin meningkat, dan ia boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif, termasuk idea bunuh diri. Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental serta peranan seni dalam memberi impak restoratif kepada individu yang mengalami tekanan jiwa. Dalam usaha mencapai objektif ini, kaedah penyelidikan kualitatif digunakan dengan meneliti aspek visual, simbolik dan teknik dalam seni batik yang dapat menggambarkan perasaan keterasingan serta pemulihan jiwa. Kajian ini juga melibatkan analisis terhadap karya-karya seni yang berkaitan serta pemerhatian terhadap teknik pembuatan yang dapat menyampaikan mesej emosi dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian ini turut membuka ruang kesedaran kepada audiens mengenai kepentingan kesihatan mental serta peranan seni dalam menyampaikan mesej sosial. Diharapkan, kajian ini dapat memberi inspirasi kepada pengkarya seni lain untuk meneroka seni batik sebagai medium ekspresi diri serta medium pemulihan psikologi melalui instalasi batik.

Kata Kunci: Ekspresi diri, Instalasi batik, Kesihatan mental





ABSTRACT

This study is conducted with a focus on the Restorative theme: Positive Aura, aiming to illustrate how batik art can be used as a medium for self-expression in addressing the issue of depression with a work titled 'Keterasingan Jiwa'. The issue highlighted in this study is related to the mental disorder of depression, which affects not only adults but also children. Depression is a global problem that is on the rise and it can lead to various negative implications, including suicidal thoughts. Therefore, this study emphasizes the importance of public awareness regarding mental health and the role of art in providing restorative impact to individuals experiencing mental stress. In an effort to achieve this objective, qualitative research methods were used by examining the visual, symbolic and technical aspects of batik art that can depict feelings of alienation and spiritual healing. This study also involves the analysis of related artworks and the observation of batik techniques that can convey emotional messages more profoundly. In addition, this study also raises awareness among the audience about the importance of mental health and the role of art in conveying social messages. It is hoped that this study can inspire other artists to explore batik art as a medium of self-expression and psychological healing through batik installation.

Keyword: *Self-expression, Batik installation, Mental health*



KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN	iii
PENGHARGAAN	iv
PENYATAAN PERIBADI	v
KARYA	vi
KOD QR	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
KANDUNGAN	x
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI JADUAL	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Metodologi Kajian	10
1.6.1 Pendekatan Praktik Studio	10



1.6.2	Teori Kaedah Tengku Sabri	12
1.7	Carta Perbatuan	13
1.8	Rumusan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Isu Kajian	21
2.3	Artis Rujukan	22
2.3.1	Muid Latif	23
2.3.2	Amir Harith	25
2.3.3	Nizam Ambia	28
2.3.4	Sarkasi Said	31
2.3.5	Jeff Christensen	33
2.4	Rumusan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Kajian Rintis	39
3.2.1	Gaya Artistik atau Idea Konsep	39
3.2.2	Pemilihan Bahan	40
3.2.3	Penggunaan Teknik	43
3.3	Fasa Perkembangan Praktis Studio	47
3.3.1	Pemilihan Hal Benda	47
3.3.2	Lakaran dan Olahan Idea	48
3.3.3	Komposisi Karya	51



3.3.4	Kajian Warna	57
3.4	Proses Penghasilan Karya	63
3.4.1	Petak 1	63
3.4.2	Petak 2-8	71
3.4.3	Petak 9-15	75
3.4.4	Petak 16-17	81
3.4.5	Instalasi	85
3.5	Rumusan	88

BAB 4 ANALISIS VISUAL

4.1	Pengenalan	89
4.2	Deskripsi	90
4.3	Analisis	90
4.4	Interpretasi	91
4.5	Pertimbangan	92
4.6	Rumusan	93

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	94
5.2	Perbincangan Karya Keterasingan Jiwa	95
5.3	Cadangan dan Penambahbaikan	96
5.4	Rumusan	97

BIBLIOGRAFI	98
--------------------	----

LAMPIRAN	105
-----------------	-----

**SENARAI GAMBAR**

Perkara	Muka Surat
Gambar 1 Aura Positif	3
Gambar 2 Depresi	5
Gambar 3 Mencanting Batik	6
Gambar 4 Potret Diri Muid Latif	23
Gambar 4.1 Illustrated Self Portrait	24
Gambar 4.2 Senja Sentosa	24
Gambar 4.3 Melati	25
Gambar 5 Potret Diri Amir Harith	25
Gambar 5.1 Koleksi Binari	26
Gambar 5.2 Motif Bunga Raya	27
Gambar 5.3 Malay Superhero	27
Gambar 6 Potret Diri Nizam Ambia	28
Gambar 6.1 Art Installation with Paintings	29
Gambar 6.2 Puteri Mayangsari	30
Gambar 6.3 Kentayu Series	30
Gambar 7 Potret Diri Sarkasi Said	31
Gambar 7.1 Mother and Child	32
Gambar 7.2 Special Batik Flower	32
Gambar 7.3 Kampong by the Sea	33
Gambar 8 Potret Diri Jeff Christensen	33
Gambar 8.1 Lasting Bones	35
Gambar 8.2 Myself and I	35





Gambar 8.3	Power	36
Gambar 9	Kain Rayon	41
Gambar 10	Papan Plywood	42
Gambar 11	Proses Mencanting	43
Gambar 12	Hasil Retakan	44
Gambar 13	Hasil Garam	45
Gambar 14	Hasil Ikat dan Celup	46
Gambar 15	Ekspresi Wajah	48
Gambar 16	Bunga Tulips	49
Gambar 17	Idea Komposisi 1	49
Gambar 18	Idea Komposisi 2	50
Gambar 19	Idea Komposisi 3	50
Gambar 20	Komposisi 1	51
Gambar 21	Komposisi 2	52
Gambar 22	Komposisi 3	52
Gambar 23	Komposisi 4	53
Gambar 24	Komposisi 5	53
Gambar 25	Komposisi 6	54
Gambar 26	Komposisi 7	54
Gambar 27	Komposisi 8	55
Gambar 28	Komposisi 9	55
Gambar 29	Komposisi 10 (Komposisi Pilihan)	56
Gambar 30	Warna 1	57
Gambar 31	Warna 2	58
Gambar 32	Warna 3	58





Gambar 33	Warna 4	59
Gambar 34	Warna 5	59
Gambar 35	Warna 6	60
Gambar 36	Warna 7	60
Gambar 37	Warna 8	61
Gambar 38	Warna 9	61
Gambar 39	Warna 10 (Warna Pilihan)	62
Gambar 40	Membuang Kanji pada Kain	63
Gambar 41	Mengeringkan Kain Selepas Buang Kanji	64
Gambar 42	Memasang Kain pada Pemidang	64
Gambar 43	Membuat Lakaran Pertama	65
Gambar 44	Menutup Bahagian untuk Latar Belakang	65
Gambar 45	Membuat Teknik Ikat dan Celup	66
Gambar 46	Mematikan Warna dengan Sodium Silikat	66
Gambar 47	Membilas Kain Sodium Silikat	66
Gambar 48	Meletak Soda Ash	67
Gambar 49	Merebus Kain Latar Belakang	67
Gambar 50	Melakar Tulisan Subjek	68
Gambar 51	Mencanting Tulisan Subjek	68
Gambar 52	Memasukkan Warna Lapisan Kedua	69
Gambar 53	Mematikan Warna bagi Lapisan Kedua	69
Gambar 54	Membilas Kain bagi Lapisan Kedua	70
Gambar 55	Merebus Kain bagi Lapisan Akhir	70
Gambar 56	Menjemur Kain bagi Petak 1	71
Gambar 57	Membuat Teknik Konvensional	71





Gambar 58	Mematikan Warna pada Lapisan Pertama	72
Gambar 59	Mencanting Subjek	73
Gambar 60	Memasukkan Warna	73
Gambar 61	Memasukkan Sodium Silikat	74
Gambar 62	Membilas Sisa Sodium Silikat	74
Gambar 63	Meletakkan Soda Ash	75
Gambar 64	Menyapu Lilin Lama	75
Gambar 65	Membuat Teknik Retakan	76
Gambar 66	Memasukkan Warna Latar Belakang	76
Gambar 67	Mematikan Warna	77
Gambar 68	Membilas Sodium Silikat	77
Gambar 69	Merebus Kain	78
Gambar 70	Mencanting Subjek	78
Gambar 71	Memasukkan Warna	79
Gambar 72	Mematikan Warna	79
Gambar 73	Membilas Kain	80
Gambar 74	Merebus Kain	80
Gambar 75	Memasukkan Warna Latar Belakang	81
Gambar 76	Mematikan Warna	81
Gambar 77	Membilas Sodium Silikat	82
Gambar 78	Melakar Hal Benda	82
Gambar 79	Mencanting Hal Benda	83
Gambar 80	Memasukkan Warna	83
Gambar 81	Menyapu Sodium Silikat	84
Gambar 82	Membilas Sodium Silikat	84



Gambar 83	Merendam dengan Air Panas	85
Gambar 84	Membuat Ukuran pada <i>Plywood</i>	85
Gambar 85	Memotong <i>Plywood</i> dengan Pisau	86
Gambar 86	Meratakan dengan Kertas Pasir	86
Gambar 87	Menyembur Warna Hitam	87
Gambar 88	Menggunakan Perekat <i>Contact</i> Serbaguna	87

SENARAI RAJAH

Perkara	Muka Surat
Rajah 1	Kaedah Umum Penghasilan Karya Oleh Tengku Sabri
	13

SENARAI JADUAL

Perkara	Muka Surat
Jadual 1	Carta Perbatuan Gerak Kerja Projek Tahun Akhir 1
	14
Jadual 2	Carta Perbatuan Gerak Kerja Projek Tahun Akhir 2
	17



BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang tema penghasilan karya bagi kursus MSR3913 Projek Tahun Akhir 1. Kursus MSR3913 ini mengangkat RESTORATIF [Aura Positif] sebagai tema projek pada semester ini. Dalam bab ini, ia menjuruskan kepada pengupasan mengenai latar belakang kajian iaitu isu kajian yang diperjelaskan dengan terperinci diikuti dengan permasalahan kajian yang dikupas dalam penghasilan karya ini. Beberapa objektif utama turut diutarakan dalam penghasilan karya instalasi batik ini. Di sini juga akan mengupas tentang persoalan kajian berdasarkan isu yang ingin diperjelaskan dan ingin dikupas dengan menyatakan secara khusus bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditampilkan dalam penghasilan karya ini. Diikuti dengan





pendekatan praktik studio yang merupakan salah satu alternatif dan carta perbatuan secara sistematik dan tersusun mengikut perancangan yang ditetapkan.

1.1 Latar Belakang Kajian

RESTORATIF merupakan istilah yang diadaptasi daripada perkataan Bahasa Inggeris bermaksud: *“having the ability to restore health, strength or well-being”* (Oxford Dictionary, 2024) atau *“more cheerful after you have been feeling tired, weak or miserable”* bersinonim dengan perkataan: *“repair, rebuild or renew”* (Colin, 2024). Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) menterjemahkan perkataan RESTORATIF kepada pemulih bermaksud: “perbuatan memulihkan; pengembalian kepada keadaan yang semula, pembaikan, rehabilitasi, rekonstruksi”. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), AURA bermaksud suasana atau perasaan halus yang menyelubungi diri seseorang atau sesuatu, manakala POSITIF bermaksud sesuatu yang baik atau yang boleh mendatangkan manfaat, pemikiran positif, sikap atau sifat positif.



Gambar 1. Aura Positif

Sumber: <http://surl.li/toiuk>

Dalam kajian Ilmu Aura Hamzah Fansuri, seorang cendekiawan Islam, aura bermaksud kerohanian seseorang iaitu cahaya badan atau dikenali pada zaman moden sebagai aura (Ramli, 2023). Dari sudut saintifik, aura manusia dikaji seawal abad ke-19 oleh Marques (1896). Kajian ini diteruskan oleh Profesor Tart (1972) menyatakan bahawa aura adalah satu getaran gelombang elektromagnetik yang bergelar di sekitar tubuh manusia, pelanggaran atom, elektron dan elemen di sekitar tubuh yang menghasilkan tenaga. Kesan kekuatan gelombang ini boleh dilihat dengan pandangan fizikal ke atas mereka yang mempunyai banyak getaran aura positif. Dalam kata lain, seseorang yang dalamannya mempunyai aura positif secara tidak langsung seluruh badannya menjadi sihat, berkeyakinan, wajah berseri dan ceria, sekali gus akan menarik kemesraan serta orang rasa selesa dengannya.

Selain itu, aura berkait rapat dengan kajian psikologi, khususnya dalam membantu rawatan kesihatan mental. Pakar Terapi Aura, Dr. Ridzuan Noor (2009)





menyatakan semua aura berasal daripada positif. Namun, aura boleh berubah seiring dengan perjalanan emosi, fizikal, mental dan tahap kerohanian seseorang. Aura boleh menjadi negatif, apabila seseorang itu tidak cukup rehat, tekanan, bebanan kerja dan sering susah hati menjadikan individu sering bersikap negatif. Contohnya, apabila seseorang itu sering negatif, automatik aurnya pasti menjadi negatif juga. Secara amnya, aura tidak dapat dilihat dengan mata kasar pada seseorang, namun ia dapat dirasakan sama ada diri anda atau seseorang itu membawa aura positif atau aura negatif. Ini kerana aura seseorang itu memancar dan mempengaruhi setiap orang di sekelilingnya melalui perwatakan, sifat dan sikap seseorang melalui keikhlasan dan ketulusan hatinya. Sekiranya seseorang itu memiliki aura negatif anda akan merasa kurang selesa berada di sekitarnya atau berkawan dengannya.

Tidak dinafikan setiap individu pernah mengalami aura negatif sama ada ia datang daripada diri sendiri atau orang di sekeliling, atau keadaan persekitaran yang telah mempengaruhi anda menjadi negatif atau mungkin ada di antara anda sedang berusaha untuk menjadi positif. Sebagai mahasiswa/i UPSI, setiap pelajar harus memiliki aura positif dalam diri supaya menjadi bakal guru seni yang berjaya dan disukai ramai, khususnya murid-muridnya. Oleh sedemikian, setiap pelajar perlu sentiasa mengaktifkan aura positif dalam diri bagi melawan aura negatif. Perkara ini nampak mudah tetapi amat sukar untuk dilaksanakan. Cara yang terbaik adalah dengan mengamalkan pemikiran yang sihat dengan menyeimbangkan semula aura dalam diri bagi pemulihan terhadap keadaan emosi, fizikal, mental dan kerohanian melalui



penyerapan aura positif ke dalam diri. Secara tidak langsung proses restoratif akan terjadi.



Gambar 2. Depresi

Sumber: <http://surl.li/toivr>

Depresi adalah keadaan di mana seseorang merasa sedih, kecewa apabila mengalami perubahan, kehilangan, kegagalan dan menjadi patologi apabila mereka tidak dapat menyesuaikan diri (A.K. Townsend et. al., 2009). Depresi ialah keadaan yang mempengaruhi seseorang secara afektif, fisiologi, kognitif dan tingkah laku, seterusnya mengubah corak dan tindak balas yang biasa. Gangguan depresi utama ialah penyakit heterogen yang dicirikan oleh perasaan kemurungan, anhedonia, perubahan dalam fungsi kognitif, perubahan dalam tidur, perubahan selera makan, perasaan bersalah yang berlaku selama dua minggu, digambarkan oleh kehilangan minat atau keseronokan dalam aktiviti biasa dan merupakan penyakit dengan akibat neurobiologi yang melibatkan perubahan struktur, fungsi dan molekul di beberapa kawasan otak. Tindak balas saraf maladaptif, penolakan sosial, tahap psikologi dan fisiologi berinteraksi antara satu sama lain dengan faktor kelemahan lain seperti sejarah

kemurungan, tahap tekanan hidup, faktor genetik akan meningkatkan kerentanan seseorang terhadap depresi.



Gambar 3. Mencanting Batik

Sumber: <http://surl.li/toiyw>

Menurut Harozila Ramli (2007), menyatakan bahawa seni batik adalah satu kaedah reka bentuk dan pencorakan tekstil yang diasaskan daripada penggunaan lilin dan bahan pewarna sama ada penggunaan pewarna dari alam semula jadi mahupun pewarna moden. Lilin merupakan bahan utama yang digunakan sebagai pemisah warna sama ada dilukis menggunakan canting mahupun yang diterap menggunakan blok-blok motif ke atas permukaan tekstil. Kemudiannya warna disampaikan kepada tekstil sama ada dengan kaedah celupan atau menggunakan berus. Keistimewaan dan keunikan seni batik terletak pada ciri yang berlainan bagi corak dan kesan yang terhasil oleh kerana itu tidak ada sehelai batik yang sama dengan yang lain sekalipun menggunakan canting, blok cap dan warna yang sama. Menurut Arba'iyah Ab. Aziz (2020), batik merupakan kraf tangan Melayu tradisional yang mempunyai keunikan tersendiri khususnya dari

segi motif, teknik pembuatan serta nilai keindahan. Kesohoran batik dikagumi bukan sahaja dalam kalangan pencinta seni tempatan malah turut mendapat perhatian luar di peringkat global.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan yang ingin dikaji adalah berkaitan dengan depresi untuk dijadikan sebagai instalasi batik. Isu ini diketengahkan kerana berkait dengan perasaan yang dialami oleh pengkarya sendiri. Setiap orang pasti mengalami pelbagai masalah dan halangan dalam hidupnya. Jika seseorang dalam hidup ini mudah putus asa dan tidak kuat untuk menghadapi masalah kehidupan, seseorang itu boleh mengalami depresi malah boleh menjadi tekanan. Depresi bukan hanya dialami oleh orang dewasa tetapi kanak-kanak juga boleh mengalami depresi yang tidak mengenal kelompok manusia sama ada masyarakat atau budaya. Banyak faktor yang menyebabkan seseorang itu depresi dan tertekan. Depresi adalah salah satu punca utama bunuh diri. Menurut World Health Organization (WHO), sebanyak 40% penghidap depresi mempunyai idea bunuh diri, dan hanya Hanya kira-kira 15% yang berjaya melakukannya. WHO meramalkan bahawa pada tahun 2020, depresi akan menjadi salah satu gangguan mental yang paling biasa dialami dan depresi besar akan menjadi punca kedua terbesar kematian selepas serangan jantung. Berdasarkan data WHO pada tahun 1980, hampir 20% - 30% pesakit hospital di negara membangun mengalami gangguan mental emosi seperti depresi. Depresi merupakan gangguan emosi atau perasaan yang tidak baik dicirikan oleh

kesedihan yang berpanjangan, putus harapan, perasaan bersalah dan tidak bermakna. Jadi itu semua proses mental seperti berfikir, merasa dan tingkah laku boleh mempengaruhi motivasi untuk aktiviti dalam kehidupan seharian dan mengenai hubungan sesama manusia. Perkara ini amatlah membimbangkan dan semua masyarakat perlu membuka mata bagi menangani masalah ini. Pengkaji akan menaikkan isu ini bagi menjelaskan kepada audiens bahawa pentingnya penjagaan kesihatan mental depresi ini.

1.3 Persoalan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi beberapa persoalan yang dapat dijadikan sebagai tanda aras untuk memenuhi keberkesanan dan kesempurnaan tajuk kajian. Persoalan yang dibangkitkan merupakan isi pada kajian yang dilaksanakan. Secara ringkasnya, beberapa persoalan dapat disesuaikan pada pengakhiran kajian ini adalah seperti berikut:

1.3.1 Apakah simbol-simbol depresi yang boleh dikaitkan dengan ekspresi diri.

1.3.2 Bagaimanakah elemen seni dapat menerusi penghasilan karya instalasi batik.

1.3.3 Bagaimanakah menghasilkan karya instalasi batik melalui luahan ekspresi diri.

1.4 Objektif Kajian

Di dalam kajian ini, objektif utama kajian adalah bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat dicapai dengan mudah. Secara ringkasnya, beberapa objektif dapat disesuaikan pada pengakhiran kajian ini adalah seperti berikut:

1.4.1 Mengkaji simbol-simbol depresi yang boleh dikaitkan dengan ekspresi diri.

1.4.2 Mengadaptasi elemen seni menerusi penghasilan karya instalasi batik.

1.4.3 Mempamerkan karya instalasi batik melalui luahan ekspresi diri.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini berhasrat untuk menghasilkan karya penghasilan instalasi batik. Selain daripada itu, hasil kajian ini juga dapat memberi pandangan kepada audiens mengenai kesedaran kesihatan mental depresi ini. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat

mengimplementasikan dengan kepelbagaian teknik membatik bagi penghasilan karya instalasi batik ini.

1.6 Metodologi Kajian

Semasa menjalankan kajian atau penyelidikan, metod atau kaedah diperlukan untuk mendapatkan data atau dapatan. Dengan data yang mencukupi, penyelidikan dapat diteruskan dengan baik. Untuk mendapatkan data yang baik ini, kaedah penyelidikan kajian mestilah disempurnakan dan mengikut prosedurnya sendiri. Ini bagi memastikan hasil penyelidikan yang akan dihasilkan benar-benar terjamin kualitinya. Pengkaji yang teliti perlu memastikan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah bersesuaian dengan jenis penyelidikan yang dijalankan. Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et. al. (2010), data yang baik diperolehi daripada kajian yang terancang berdasarkan reka bentuk yang betul iaitu kaedah yang digunakan dalam proses mendapatkan data kajian. Kaedah penyelidikan yang sesuai iaitu kuantitatif atau kualitatif, ditentukan oleh persoalan atau objektif kajian.

1.6.1 Pendekatan Praktik Studio

Dalam konteks pembelajaran studio praktik, ramai di kalangan pelajar seni menghadapi kesukaran untuk menghasilkan sebuah karya yang membawa gagasan di



dalamnya. Pelajar lebih mudah dan selesa menghasilkan karya yang bersifat merakam apa yang dilihat daripada menghasilkan karya menerusi pemikiran yang tidak boleh dilihat. Untuk melahirkan idea melalui pemikiran memerlukan komitmen yang menyeluruh jika dibandingkan melahirkan karya yang bersifat merakamkan visual yang dilihat. Tanggungjawab besar seorang artis inilah yang ingin diperhalusi serta diperbaiki di dalam kajian ini. Dengan harapan karya-karya yang dilahirkan bermanfaat dan tidak terpesong dari yang sepatutnya. Menurut Hasnol J. Saidon (2014), dalam laporan penghakiman bakat Muda Sezaman (BMS'13) menyatakan banyak penyertaan yang bersifat latihan terhadap subjek persoalan; sekadar mengusik-usik, tergesa-gesa dan terlalu kasual, kurangnya bukti penglibatan atau penafsiran yang mendalam terhadap sesuatu tema atau isu, suasana, sikap, sentiman, pengolahan dan ungkapan secara keseluruhannya adalah terlalu selamat, lazim, mudah dan malas. Mereka tidak mencerminkan satu generasi yang sedang mencari suara dan bergelut untuk menyesuaikan diri dengan cabaran abad ke-21 yang ditekan oleh kontradiksi antara tuntutan lokal dan global. Penilaian oleh Hasnol ini boleh dijadikan intipati kepada persoalan di dalam kajian ini. Perlunya satu dasar yang mampu menjadi landasan pemikiran artis Malaysia untuk menghadapi cabaran dari amukan pascamoden di dalam melahirkan karya yang bersifat lokal dan mampu dibawa ke peringkat global. Sehubungan itu, penulisan ini telah dibuat untuk melahirkan satu model bagi membina sesebuah karya seni secara professional dan mudah diguna pakai oleh sesiapa sahaja yang mempunyai keinginan untuk berkarya.





1.6.2 Teori Kaedah Tengku Sabri

Empat tahap berkarya dalam Kaedah Umum Penghasilan Karya (KUPK) model oleh Tengku Sabri. Beliau telah mengariskan bagaimana proses sesebuah karya dihasilkan. Beliau menamakan model ini Kaedah Umum Penghasilan Karya (ms7). Berdasarkan analisa ringkas, model ini dimulakan dengan tahap pertama iaitu membuat kajian awal, di tahap ini artis akan mengenal pasti bentuk, idea atau makna yang ingin diusahakan. Proses ini juga akan bergerak atas dasar membuat kajian dari sumber-sumber primer atau pun sekunder. Seterusnya, akan bergerak ke tahap kedua iaitu menyusun dan mengolah data yang diperoleh dengan mengambil kira pengetahuan dan pengalaman artis tentang aspek formal seperti elemen dan prinsip seni. Gubahan yang mungkin berbentuk lakaran atau gambar akan memenuhi tahap perkembangan idea. Tahap ketiga adalah gubahan atau perancangan yang telah dibuat akan dibawa ke studio untuk dikembangkan dalam konteks sebuah karya berdasarkan disiplin masing-masing seperti karya catan, karya arca ataupun karya cetakan. Beberapa pertimbangan yang melibatkan bahan dan teknik akan diambil kira di dalam proses kerja-kerja studio. Tahap akhirnya adalah karya yang telah siap akan dibawa untuk dipamerkan sekali gus untuk dijual.

Tengku Sabri menambah satu lagi model yang seiring dengan model pertama tadi. Dinamakan model ini Penghasilan Sebuah Karya Seni (PSKS) (ms9). Model ini harus dibaca seiring dengan model yang pertama tadi. Hal ini kerana Tengku Sabri menegaskan proses yang terkandung dalam model KUPK tidak akan berdiri sendiri



untuk berjaya menghasilkan sebuah karya yang baik jika tidak diambil kira perihal sedar diri dan disiplin diri seorang artis. Beliau menyatakan proses berkarya seperti di dalam model KUPK akan menjadi sia-sia atau kurang berkesan jika tidak digabungkan dengan soal sedar diri atau disiplin pengkaryanya seperti yang terdapat di dalam model PSKS.



Rajah 1. Kaedah Umum Penghasilan Karya Oleh Tengku Sabri

Sumber: <https://surl.li/wpjony>

1.7 Carta Perbatuan

Carta perbatuan ini menerangkan berkenaan proses pelaksanaan penghasilan karya mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu selama 14 minggu. Berikut

merupakan carta perancangan yang dirancang bermula dari minggu satu sehinggalah minggu empat belas:

Jadual 1

Carta Perbatuan Gerak Kerja Projek Tahun Akhir 1

GERAK KERJA PROJEK TAHUN AKHIR 1	2024													
MINGGU	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
MINGGU 1 Pengenalan Kepada Projek Tahun Akhir 1														
MINGGU 2 Penjanaan Idea: Kupasan Tema Dan Kajian Isu														
MINGGU 3 Teori Seni Dan Pendidikan Seni														
MINGGU 4 Metodologi Penyelidikan Studio														
MINGGU 5														



Sesi Kritik: Pembentangan Idea Dan Isu FYP 1															
MINGGU 6 Kajian Lapangan (Data Primer)															
MINGGU 7 Kajian Artis (Data Sekunder)															
MINGGU 8 Praktis Studio 1: Lakaran Idea															
MINGGU 9 Praktis Studio 2: Kajian Bahan Dan Teknik															
MINGGU 10 Praktis Studio 3: Penghasilan Lakaran Akhir/ Mockup															
MINGGU 11															



[illegible]



Jadual 2

Carta Perbatuan Gerak Kerja Projek Tahun Akhir 2

GERAK KERJA PROJEK TAHUN AKHIR 2	2024/2025													
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
MINGGU														
MINGGU 1 • Pengenalan Kepada Projek Tahun Akhir 2														
MINGGU 2 • Praktis Studio 1: Perancangan Penyelidikan Praktis Studio														
MINGGU 3 • Praktis Studio 2: Penghasilan Karya														
MINGGU 4 • Sesi Kritik 1: Pembentangan Progres Projek														
MINGGU 5														





Praktis Studio 3: Penghasilan Karya														
MINGGU 6 Praktis Studio 4: Penghasilan Karya														
MINGGU 7 Praktis Studio 5: Penghasilan Karya														
MINGGU 8 Praktis Studio 6: Penghasilan Karya														
MINGGU 9 Sesi Kritik 2: Pembentangan Progres Projek														
MINGGU 10 Pengurusan Pameran & Kuratorial														
MINGGU 11 Finishing Karya														
MINGGU 12 Pra Pameran														



MINGGU 13 Persiapan Pameran															
MINGGU 14 - Pameran Restoratif - Aura Positif															

1.8 Rumusan

Rumusan daripada kajian ini adalah bertujuan untuk menghasilkan sebuah karya instalasi batik yang dapat menguatkan idea tentang isu berkaitan dengan ekspresi diri menerusi instalasi batik dalam seni visual. Isu ini dipilih kerana hendak menyedari audiens berkenaan masalah kesihatan mental depresi. Oleh yang demikian, dengan pemilihan isu ini berharap agar dapat mengolah elemen depresi yang diguna pakai dalam menghasilkan rekaan corak instalasi batik. Secara ringkasnya, di dalam bab ini adalah gambaran awal tentang kajian dan karya akan dihasilkan oleh pengkaji sebelum pengkaryaan dilakukan, penyelidikan peringkat awal adalah dititikberatkan dan segala masalah kajian telah dikenal pasti. Oleh itu, pengkaji dikehendaki menyelesaikan masalah kajian yang telah dinyatakan dan menjawab segala persoalan yang telah diutarakan.